



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 5 FEBRUARI 2024

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY SHUKRI SANTUNI KOMUNITI CINA	
	https://suarasarawak.my/nancy-shukri-santuni-komuniti-cina/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/20-residents-receive-cny-food-baskets/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KOMUNIKASI BUKAN LISAN BUKA RUANG KELANGSUNGAN HIDUP OKU PENDENGARAN	
	https://sinarbestari.sinarharian.com.my/my-ipt/karya-kampus/komunikasi-bukan-lisan-buka-ruang-kelangsungan-hidup-oku-pendengaran	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KEMBALI KE PANGKUAN KELUARGA	
	https://suarasarawak.my/kembali-ke-pangkuan-keluarga/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	"HENDAK SERIBU DAYA, TAK HENDAK SERIBU DALIH".	
	https://www.youtube.com/watch?v=Tdx3AoxddFo	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	AGENSİ KEBAJIKAN DIHARAP BANTU RINGKANKAN BEBAN KELUARGA BELLA	
	https://www.youtube.com/watch?v=XJ3KfeFTIxQ	YOUTUBE



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

5/2/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
6	KANAK-KANAK PEREMPUAN CEDERA DIPERCAYAI DIDERA IBU TIRI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1057605/kanak-kanak-perempuan-cedera-dipercayai-didera-ibu-tiri	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	4 FEB 2024-BTH- PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK: PENGLIBATAN IBU BAPA PENTING UNTUK TINGKAT PERKEMBANGAN	
	https://www.youtube.com/watch?v=-V6yuiRkA2g	YOUTUBE



Nancy Shukri santuni komuniti Cina

📍 Bilik Berita 3 📍 SARAWAK 📅 4 Februari 2024 🕒 7 jam lepas

[Facebook](#) [Twitter](#) [WhatsApp](#) [Telegram](#)
[E-mel](#)



Datuk Nancy Shukri menyampaikan sumbangan ketika menyantuni komuniti Cina di Lundu dan Bandar Baru Samariang


KUCHING : Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri meluangkan masa menyantuni komuniti Cina di Lundu dan Bandar Baru Samariang, hari ini.

Beliau turut menyerahkan bakul makanan dan limau mandarin kepada seramai 89 orang komuniti Cina yang diraikan dalam majlis berkenaan.

“Semoga sumbangan ini sedikit sebanyak membawa kegembiraan dan keceriaan kepada mereka untuk menyambut Tahun Baharu Cina tidak lama lagi,” katanya yang juga Ahli Parlimen Santubong.

Sejurus selesai ziarah kebajikan itu, beliau meneruskan perjalanan ke Bandar Baru Samariang untuk menyempurnakan sumbangan bakul makanan Yayasan Kebajikan Negara (YKN).






Komunikasi bukan lisan menjadi medium utama bagi membolehkan 'pertuturan' menggunakan bahasa isyarat berlaku antara individu OKU pendengaran.
Gambar kecil: Mohd Shahnawi.

Komunikasi bukan lisan buka ruang kelangsungan hidup OKU pendengaran

PROFESOR MADYA DR MOHD SHAHNAWI MUHAMMAD PIRUS 04 Feb 2024 05:38pm



Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mentafsirkan Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran sebagai individu yang tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran.

Justeru, komunikasi bukan lisan menjadi medium utama bagi membolehkan 'pertuturan' menggunakan bahasa isyarat berlaku antara individu OKU pendengaran.

Seiring dengan perubahan masa dan teknologi, keperluan golongan OKU pendengaran semakin mendapat perhatian apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan beliau akan membawa permasalahan seperti pendidikan menengah OKU pendengaran yang terhad bagi dibincangkan di dalam Kabinet.

Perkara ini adalah rentetan daripada hanya ada sebuah sekolah di negara ini yang menjalankan peperiksaan SPM bagi pelajar OKU pendengaran.

Statistik yang dikeluarkan Jabatan Kebajikan masyarakat menunjukkan sehingga 31 Januari 2023, seramai 42,652 rakyat Malaysia iaitu 23,240 daripadanya adalah lelaki dan 19,412 daripadanya perempuan yang berdaftar sebagai OKU pendengaran.

Sekiranya kerajaan menyokong usaha menambah baik fasiliti pembelajaran dan memperbanyakkan sekolah serta pusat pengajian tinggi yang bersesuaian dengan golongan OKU pendengaran, maka usaha ini bakal memanfaatkan mereka yang tidak secara langsung boleh menyumbang kepada produktiviti negara atau setidak-tidaknya membolehkan golongan berkenaan berdikari dan mempunyai kehidupan berkualiti.



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



Kembali ke pangkuan keluarga

Nurtauni Lee Abdullah | UTAMA | 4 Februari 2024 | 14 jam lepas



GEAGIRA - Dewi bersama-sama dua anak beribunya Sheryi Balencia ketika ditemu suara Sarawak di Kuching, semalam. - Foto RAMMDI SUBARI

PADA 16 Januari bulan lalu, saya diarahkan untuk membuat liputan seorang ibu yang memohon bantuan media untuk membawa anak dan dua cucunya kembali ke Sarawak selepas terkandas hampir empat tahun di negara Filipina.

Tiba di pejabat, saya melihat seorang wanita beribu kurung bertudung maro duduk sambil linggangnya memegang setela kerlas yang ada gambar anak dan cucunya.

"Saya merita pertolongan media, saya tiada jalan lain.

Anak dan cucu saya harus keluar dari sana.

Tolong bantu saya," katanya sebaik duduk di hujung kerusi.

Itulah impian besar Sheryi Balencia Cabrera terhadap anaknya Dewi Farisha Fazliman yang tertinggal di sana.

Dengan linaan air mata, suara yang tersekat-sekat di kerongkongnya sambil menarik nafas teju, kami memintanya menghubung terus anaknya di sana.

Ketika berbicara dengan anaknya, Sheryi membentaha bahawa dia kini berada di pejabat media untuk perjuangan terakhirnya.

"Sabar, ibu akan berusaha sehabis baik membawa pulang dengan apa-apa cara sekalipun.

Sabar," katanya dalam bahasa Filipina menyapa dua cucunya.



SELAMAT DATANG - Datuk Seri Fatimah menyambut sendiri kedatangan Dewi dan dua anaknya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, awal pagi semalam. - Foto GHAZALI BUJANG

Sejak laporan khas pertama terbit pada 17 Januari, saya menerima panggilan daripada ketua saya menyatakan, ada bantuan lenus ke kedutaan kita di sana dan Dewi serta SHERI AKHIR dua anaknya dikurungi oleh pegawai-pegawai kedutaan di kediaman di penempatan Tayari Bandar Rizal Manila untuk saesatan menyeluruh.

Hari itu juga saya menerima gambar Dewi dan dua anaknya dengan pegawai kedutaan Malaysia dan lenus menghubung Dewi.

"Benar, kami akan dipindahkan ke kediaman lebih selamat dan keluar dari kawasan Tayari," katanya dan berkingi gambar dia dan anak-anak dihantar oleh kejaran keselamatan itu masuk ke dalam kereta yang membawa mereka pergi.

Laporan khas kedua menyusul pada 18 Januari mengenai berpindahan Dewi dan bagaimana media memamkan peranan penting sehingga kisah warga Sarawak ini berakhir di meja rundingan antara Kerajaan Sarawak dengan Kerajaan Filipina.

Lima hari kemudian, saya diberitahu bahawa kerajaan sedang berunding dokumentasi ingnes, jumlah bayaran perah kerana tinggal melebihi had dan proses-proses akhir rundingan.

Saya hubungi Dewi dan emaknya untuk khabar terkini dan koah rundingan kerajaan, Dewi dan bunya dalam laporan khas ketiga.

Jadi saya terbuca emosi saya cubai ke dalam kisah anak-beranak ini kerana bunya sanggup bergolak bergasle mengharar duti sebanyak RM150 selang dua hari selama empat tahun.

Saya mengikut rapat kes Dewi sehingga menghubung pihak Kedutaan Malaysia di Filipina, menteri yang bertanggungjawab termasuk Perutusan Toleransi dan Kesedaran Sarawak (SOFTAA) yang bertanggungjawab membawa kes ini ke pengetahuan media.

Setiap hari saya kemasi kini pergerakan Dewi dengan menghubungnya melalui WhatsApp.

Tepat 20 hari selepas ibunya berkingi dengan kami kisah Dewi, akhirnya semalam Dewi dan dua anaknya meninggal bumi Filipina kembali ke Sarawak secara sah.

Dewi yang terkandas di negara berkenaan bersama-sama dua anaknya untuk melawat datuk yang sakit pada 2019 tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching pada jam 12.00 tengah malam semalam.

Sebaik keluar dari bala ketibaan, mereka disambut penuh emosi oleh ibunya dan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Datuk Seri Fatimah Abdullah.

Dewi ketika ditemu buat Suara Sarawak semalam bersyukur dapat bersama-sama keluarganya semula setelah sekian lama terpisah.

Terkandas bersama-sama dua anak (berusia tiga tahun dan bayi 10 bulan) bukan sesuatu yang mudah terutama apabila seseorang itu mengalami masalah kewangan.

Berkingi kisahnyanya yang terkandas di Filipina selama lebih empat tahun, Dewi memaklumkan ia bukan sesuatu yang mudah untuk disku dalam hidupnya lebih-lebih lagi sebagai ibu tunggal.

Menurutnya, walaupun kawasan tempat tinggalnya agak selamat, ia bukan tempat yang sesuai untuk membesarkan dua anak perempuannya.

Katanya, memandangkan anak-anaknya gemar meneroka, dia sedih kerana ruang kediamannya untuk anak-anaknya berkawalan terhad kepada.

"Tunah saya kecil, hanyi baik, saya kashan mereka tidak dapat bermain seperti anak-anak lain.

Apabila sudah kembali ke Sarawak ini, saya harap mereka dapat membesar dengan baik," katanya.

Oleh sebab dia tidak dapat bekerja menyediakan apa-apa sahaja yang dimahukan untuk anak-anaknya malapun rezekinya, dia hidup dengan wang yang dhanter oleh ibunya setiap dua hari sekali (iatu kira-kira RM150).



"Yang itu kebanyakannya digunakan untuk membayar sewa rumah, bil dan untuk membeli lampin dan susu anak saya.

Jika ada lebihan duit, saya akan membeli makanan ringan untuk mereka.

"Saya juga beli nasi dan lauk yang siap dimasak untuk kami makan kerana tempat kediaman saya tidak mempunyai tempat masak," ujarnya.

Dewi mengaku pernah melaut detik perit iaitu tidak cukup wang untuk membeli makanan atau membeli susu anak.

Justeru untuk menyara diri dan anak, dia membantu tukang jahit di kawasan itu dengan menjahit beberapa kan untuk pakain seragam sekolah.

"Apabila tempahan banyak, saya akan membantu memotong kan kerana saya tidak mempunyai pengalaman lain seperti menjahit.

"Tempahan datang sekali dalam tiga minggu, jadi setiap kali saya membantu, mereka akan membayar saya kira-kira 500 PHP (sekitar RM50).

Ia tidak banyak tetapi lebih baik daripada tiada.

"Saya juga pernah menjual gelang untuk mendapatkan wang sementara akan guna cara tradisional seperti meletakkan kuala basah di kepala mereka dan sebagainya.

Pernah kala Dewi, pating sedih ketika tiada wang, anak anak pula sakit dan sangat perit baginya membesarkan anak secara sendiran di negara orang.

"Saya sangat bimbang jika tiada wang untuk beli ubat untuk anak, saya akan guna cara tradisional seperti meletakkan kuala basah di kepala mereka dan sebagainya.

"Sekiranya jran saya mempunyai ubat lebih untuk anak mereka, saya juga meminta sedikit untuk diberikan kepada anak-anak saya.

Setelah mana pun rezeki kami, saya sentiasa bersyukur kerana mempunyai jran yang baik," katanya.

Dewi memaklumkan, dia lebih rela hidup dalam keadaan perit dan susah asakan anak-anaknya berada di depan matanya dan sentiasa sihat.

"Sepanjang empat tahun di Manila, saya bersyukur sekurang-kurangnya, anak-anak saya ada bersama-sama saya.

"Selain itu, anak perempuan saya adalah sumber kekuatan saya untuk menjalani kehidupan, saya juga mahu dilihat sebagai ibu yang kuat di hadapan dua anak saya."

Sebab itu walaupun bimbang dan terlekan, saya sentiasa menunjukkan sisi gembira saya kepada mereka.

Saya tidak mampu untuk menunjukkan kelemahan di depan mereka kerana saya mahu mereka terpengaruh dengan perkara yang baik dan bukannya negatif," katanya.

Dewi mengaku pernah putus harapan untuk kembali ke Malaysia setelah melihat bunya sudah mencuba yang terlebak di Kuching dan di Filipina "ia melupakan hati saya.

Saya pernah beritahu ibu saya, udah lah ma, mun susah gilak, bohih bait.

Biar jakah hidup kedak tak.

Sik pat nek polah apa juk - cukuplah mak, kalau susah untuk kita baik maka kita tinggal di sini saja.

Biarlah kita hidup begini memandangkan tiada banyak yang boleh dilakukan.

"Tetapi ibu saya tidak pernah berputus asa untuk membawa kami kembali dan akan sentiasa memberi kami kata-kata jaman bahawa kami akan kembali walau apa-apa pun," katanya.

Memandangkan berita mengenai dia terkandas disarkan pada 17 Januari lalu, dia terkejut apabila ramai orang berfikir membantunya kembali ke Sarawak.

"Saya tidak sangka pegawai kedutaan akan datang berjumpa kami tetapi pada masa sama saya berasa lega kerana yakin masa kami untuk kembali ke sini semakin hampir.

"Apabila mereka memindahkan kami ke hotel, bukan sahaja pihak kedutaan memperolekkan proses kami, mereka juga membantu kami dengan semua prosedur yang diperlukan. Untuk itu, saya berterima kasih ditinggalkan di negara asing.

"Terima kasih kepada Kerajaan Sarawak, Putrajaya dan Kedutaan Malaysia Manila kerana membantu saya kembali ke Kuching.

"Saya gembira, akhirnya saya berada di sini kerana bantuan anda, akhirnya saya dapat bersama-sama keluarga saya," katanya.

Terkandas lebih empat tahun, Dewi mengaku mengalami trauma ditinggalkan di negara asing.

"Buat masa ini, saya hanya mahu tinggal di Kuching dan tidak mahu pergi ke mana-mana.

Selain itu, dengan pengalaman yang ada, saya belajar untuk tidak membuat keputusan untuk melakukan sesuatu secara terburu-buru," ujarnya.

Selain mengidamkan laka Sarawak sebagai menu yang bertahan-tahan dia mahu makan, Dewi juga memohon pekerjaan untuk memberi pulangan kepada bunya dan menyara anak-anak perempuannya.

Dia juga memaklumkan cuba mengajar anaknya bahasa tiga tahun bercakap dalam bahasa Sarawak.

Dia dengan nada sebak sambil memeluk bunya mengucapkan terima kasih kepada bunya yang tidak henti-henti membantunya dan tidak berputus asa sejak empat tahun lalu.

Sementara itu, Sheryi yang berada di sinnya turut bersyukur atas kepupusan anak perempuan dan dua cucu perempuannya.

"Saya tidak dapat meluahkan perasaan saya akhirnya melihat mereka dekat saya. Usaha saya selama ini akhirnya membuahkan hasil.

"Terima kasih SOFTAA, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadzilah Yusof, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Awak Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Masyarakat Datuk Seri Fatimah Abdulah, Kuduban Besar Malaysia Manila dan ada nama yang saya tidak dapat sebut di sini yang membantu berurusan dengan Kedutaan Filipina.


Saya berharap mereka dipanggilkan umur sihat dan sejahtera," katanya.

Selain itu, Sheryi mahu menunjukkan ketahanan di depan mereka boleh berbeza dan menjaga cucu-cucunya di rumah.

Sebelum ini Dewi Farisha bersama-sama dua anaknya terkandas di Filipina sejak 2019 selepas pergi ke negara berkenaan untuk menziarahi ahli keluarga yang sakit.

Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyukarkan kepulangan tiga anak-beranak itu susulan sekatan di pintu sempadan antarabangsa sehingga berdepan penah puluhan ribu ringgit atas kesalahan tinggal lebih masa.

Dewi Farisha ketika itu menyewa bilik di Taytay di Rizal, Manila sebelum kisahnya dilaporkan media tempatan sehingga mendapat perhatian Kerajaan Sarawak.



Kanak-kanak perempuan cedera dipercayai didera ibu tiri

Raja Noraina Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Gombak: Kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun cedera dipercayai didera oleh ibu tirinya di sebuah rumah di Bandar Tasik Puteri, Rawang, di sini.

Kejadian itu terbongkar selepas murid Tahun Enam terbabit melarikan diri dan meminta bantuan gurunya yang tinggal di kawasan berhampiran, pagi ini.

Dalam kejadian kira-kira 6 pagi, mangsa yang mengalami lebam di bahagian badan dibawa ke Balai Polis Kundang di sini, untuk membuat laporan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, berdasarkan laporan, mangsa mendakwa dipukul ibu tirinya kerana dituduh mencuri duit tabung.

"Siasatan awal mendapati mangsa tinggal bersama bapa dan ibu tirinya tetapi mengaku hanya dipukul ibu tiri.

"Mangsa lari ke rumah guru yang tinggal di taman perumahan sama," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Bertindak atas laporan, Hussein berkata, polis menahan wanita berusia 40-an yang juga suri rumah untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Disiarkan pada: Februari 4, 2024 @ 10:37pm



TAJUK : WOMEN, INCLUDING SINGLE MUMS, FROM B40 GROUP IN MIRI RECEIVE CNY GOODIES

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 5 FEB 2024

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Ting (standing front, centre), joins the association's committee members and recipients in a group photo.

Women, including single mums, from B40 group in Miri receive CNY goodies

MIRI: Some 140 women from B40 (low-income) group, including single mothers, received 'angpows' (cash packets) and food aid at a Chinese New Year gathering held by the Sarawak United People's Party (SUPP) Piasau branch here, yesterday.

Miri City Women Caring Association chairperson Kapitan Chan Chai Ping said it was part

of the association's annual events and that the distribution of food was a small gesture to reach out to mothers and single mothers of from B40 households.

"This is to alleviate their families' burden, especially during this festive season," said Chan, also extending gratitude and appreciation to Deputy Minister I for Tourism, Creative Industry and Performing Arts

Sarawak Datuk Sebastian Ting for the sponsorship of gifts.

"His support and sponsorships have enabled us to continue to help families in need," said Chan of Ting, who is Piasau assemblyman.

Ting, who was present to distribute the gifts, called upon the recipients to make good use of the contributions.

"During festive season, it

doesn't matter how much one makes.

"What is more important is for families to be together," he stressed.

The Miri City Women Caring Association is made up of single and married mothers from the low-income households, upholding the objective of reaching out and help the people from this target group.



TAJUK : IBU BAPA DIMINTA UTAMA PENDIDIKAN ANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 FEB 2024

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu bapa diminta utama pendidikan anak

Harus mempunyai kesedaran tinggi bahawa hanya pendidikan dapat ubah nasib, tingkatkan taraf hidup keluarga

Oleh Marlinda Mardzuki

KUCHING: Golongan ibu bapa diminta untuk sentiasa memberi penekanan dan keutamaan terhadap aspek pendidikan anak-anak, kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tebedu Dr Simon Sinang Bada.

Beliau berkata, mereka harus mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa hanya dengan pendidikan dapat mengubah nasib serta meningkatkan taraf hidup sesebuah keluarga.

Pada masa sama katanya, ia penting bagi membantu kerajaan melahirkan modal insan kompetitif yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan negara.

"Banyak negara di dunia ini boleh dijadikan contoh seperti Amerika Syarikat, Australia, China, Jepun, Korea dan Singapura.

"Misalnya, Korea dulu se-

“ Misalnya, Korea dulu sebuah negara yang miskin akan tetapi hari ini Korea Utara dan Selatan mampu bangkit menyaingi negara maju di dunia ini. ”

Dr Simon Sinang Bada
ADUN Tebedu

buah negara yang miskin akan tetapi hari ini Korea Utara dan Selatan mampu bangkit menyaingi negara maju di dunia ini.

"Ini kerana mereka sangat mementingkan bidang pendidikan untuk generasi muda dan rakyat amnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Apresiasi Taska dan Tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi sesi 2023/2024 Kawasan P.199 Serian di Dewan Tayung Langui Kampung Pichin di Tebedu kelmarin.

Dr Simon menambah, sekiranya ibu bapa tidak mengambil berat akan aspek pendidikan anak-anak, ia akan menjadi satu kerugian kepada mereka dan negara.

"Justeru, saya sarankan para ibu bapa memastikan anak-anak mendapat pendidikan pada peringkat awal usia mereka dengan menghantar ke institusi pendidikan awal seperti Taska KEMAS," katanya.

Beliau dalam pada itu turut memberitahu bahawa kerajaan Sarawak akan terus berusaha menyediakan prasarana dan infrastruktur pendidikan yang lebih baik demi kesejahteraan murid.



TEKANKAN PENDIDIKAN: Dr Simon (dua kiri) semasa menyempurnakan Majlis Apresiasi Taska dan Tabika KEMAS Sesi 2023 /2024 bagi kawasan P.199 Serian. — Gambar UKAS



TAJUK :	KPWK BERSEMANGAT DENGAN PENUBUHAN OSEIC DI MIRI		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	5 FEB 2024	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KPWK bersemangat dengan penubuhan OSEIC di Miri

MIRI: Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) amat bersemangat dengan penubuhan Pusat Sehenti Intervensi Awal (OSEIC) di Miri yang akan menjadi pusat diagnosis dan intervensi awal untuk anak-anak istimewa dari bahagian utara negeri ini.

Perkara itu dijelaskan Timbalan Menteri Datuk Rosey Yunus pada Majlis Apresiasi dan Makan Malam Amal Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK St Joseph Miri, kelmarin.

Rosey berterima kasih kepada kerajaan negeri dan Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg kerana meluluskan permohonan penubuhan pusat itu di sini.

Beliau memberitahu, satu lawatan kerja dirancang diadakan di tapak cadangan projek di Tudan pada penghujung bulan ini.

“Kita di kementerian sangat bersemangat dengan adanya sebuah pusat intervensi ini di Miri.

“Kita (kementerian) telah juga memasukkan Bintulu dalam senarai kita.

“Terdapat juga beberapa tempat lain.

“Miri adalah lokasi baharu selepas Kuching,” jelasnya.

Rosey berkata, dengan penubuhan pusat ini kelak akan membantu ibu bapa mendiagnosis dan melakukan intervensi awal terhadap anak-anak istimewa mereka.

Ia juga katanya, akan menjadi tempat untuk anak-anak mendapat penjagaan dan latihan yang khusus mengikut kebolehan dan kemampuan



UNTUK ALBUM: Rosey (empat kanan) bersama tetamu kehormat yang lain selepas simbolik perasmian memotong reben gegantungan PPKI SMK St Joseph pada majlis kelmarin.

yang ada pada diri mereka.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bekenu itu berkata, menjaga anak-anak istimewa bukanlah tugas yang mudah.

Beliau memuji keberanian ibu bapa dan penjaga menghantar anak-anak istimewa ke sekolah untuk mendapat ilmu dan latihan diperlukan untuk menjadikan mereka individu yang mempunyai sikap berdikari.

Rosey berkata, gandingan kuat ibu bapa dan guru akan memudahkan tugas melaksanakan intervensi di kelas masing-masing.

“Saya terharu dengan ibu bapa kerana beri peluang yang sama kepada setiap mereka agar mendapat pendidikan dan latihan.

“Saya berterima kasih kepada setiap ibu bapa yang telah memberi anak kita peluang seperti orang lain,” jelas Rosey.

Mengulas lanjut tentang pendidikan awal, kementerian mempraktikkan polisi pintu terbuka terhadap penerimaan pelajar di Raska dan Tadika SeDidik.

Rosey berkata, setiap anak yang dibawa masuk akan diterima sama ada memiliki kekurangan atau dalam golongan istimewa.

“Ini cara kita menunjukkan inklusiviti dalam sistem pendidikan dengan menginginkan semua anak diberi peluang,” jelasnya.

Beliau memberitahu, anak-anak di Tadika SeDidik dilatih asas komunikasi menggunakan bahasa isyarat yang termasuk menyanyikan lagu Negaraku dan Ibu Pertiwiku menggunakan bahasa isyarat.

Tentang majlis itu, ia pasti akan menjadi titik sejarah yang penting dalam perjalanan hidup pelajar istimewa dan akan diingati sampai bila-bila.

Rosey turut mengumumkan sumbangan geran projek kecil luar bandar (MRP) berjumlah RM5,000 kepada Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) SMK St Joseph.

Hadir sama Pengetua Peter Use Lenjau, Yang Dipertua PIBG Matthew Silek dan Pegawai Pendidikan Daerah Miri Mariam Monek.



TAJUK : GOLONGAN KURANG BERNASIB BAIK TIDAK HARUS DILUPA, PERLU DIBANTU, DISOKONG

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 5 FEB 2024

M/SURAT : 03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



TERUSKAN SUMBANGAN: Harden (tujuh kiri) menyampaikan bantuan kepada penerima sambil diperhatikan kueh (lima kiri) serta yang lain semasa penyampaian sumbangan berkenaan semalam.

Golongan kurang bernasib baik tidak harus dilupa, perlu dibantu, disokong

SRI AMAN: Golongan yang kurang bernasib baik tidak harus dilupakan sebaliknya perlu diberikan bantuan serta sokongan moral bagi meneruskan kehidupan seharian mereka, kata Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Datuk Francis Harden Hollis.

Menurutnya, golongan berkenaan tidak seharusnya disisihkan daripada masyarakat sebaliknya perlu dibantu serta disayangi dan perlu diberi perhatian.

“Golongan tersebut bukan sahaja golongan yang istimewa atau mereka yang kurang bernasib baik tetapi mereka juga perlu kita sayangi, perlukan perhatian oleh semua anggota masyarakat,” ujarnya.

Harden yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simanggang berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Sejambak Kasih Tahun Baharu Cina anjuran Pertubuhan Meninggikan Akhlak Che Chuan Khor Sri Aman di premis pertubuhan berkenaan di sini

semalam.

Pada kesempatan itu, Harden turut berterima kasih kepada pemuda Pertubuhan Meninggikan Akhlak Che Chuan Khor Sri Aman kerana telah berjaya menganjurkan program seperti ini setiap kali musim perayaan dan penghargaan serta pujian diberi kepada penderma yang bermurah hati.

“Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih kepada para dermawan yang ikhlas hati berkongsi rezeki dengan masyarakat yang kurang mampu melalui saluran Pertubuhan Che Chuan Khor Sri Aman.

“Tanpa penderma, agak sukar untuk kita melaksanakan program kerana bahan mentah dan dana sangat diperlukan,” katanya.

Terdahulu ketika menyampaikan kata aluan selaku pengerusi pengelola Ngu Sze Lee yang juga merupakan Ketua Pemuda Pertubuhan Meninggikan Akhlak Che Chuan Khor Sri Aman, menyampaikan penghargaan dan pujian kepada Harden


yang berterusan membantu pertubuhan berkenaan.

“Pertubuhan kita amat berterima kasih kepada wakil rakyat ini (Harden) kerana sentiasa memberi bantuan dan sokongan kepada pertubuhan kita dalam pengurusan acara seperti ini serta acara-acara yang lain di Sri Aman,” jelasnya.

Turut hadir pada program tersebut ialah Presiden Pertubuhan Meninggikan Akhlak Che Chuan Khor Sri Aman Temenggung Kueh Aik Seng, Penghulu Kang Tai Kong, Penghulu Leonard Libau Anol, Penghulu Andar Suntai serta Tay Chiew Hua.

Program berkenaan telah menyaksikan seramai 250 orang penerima yang terdiri daripada golongan yang memerlukan menerima bakul makanan yang disampaikan oleh Harden.

Tujuan utama program tersebut diadakan adalah untuk membantu meringankan beban golongan yang memerlukan ketika sambutan Tahun Baharu Cina yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi.



TAJUK :	PERSATUAN WANITA PENYAYANG BANDARAYA MIRI SANTUNI 140 PENERIMA BANTUAN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	5 FEB 2024	M/SURAT :	03
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Persatuan Wanita Penyayang Bandaraya Miri santuni 140 penerima bantuan

MIRI: Kira-kira 140 ibu tunggal dan ketua keluarga miskin di sini menerima angpau dan barangan keperluan harian sumbangan Persatuan Wanita Penyayang Bandaraya Miri semalam.

Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan I Datuk Sebastian Ting berkata, sumbangan tersebut diharap dapat menceriakan golongan itu sempena perayaan Tahun Baharu Cina (TBC).

"Persatuan Wanita Penyayang Bandaraya Miri

telah menjadikan program ini sebagai aktiviti tahun yang banyak membantu golongan memerlukan dalam persiapan meraikan TBC," katanya semasa penyerahan sumbangan di Dewan Saha'ti di sini.

Ting yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Piasau memberitahu, sumbangan sedemikian meskipun bukan jumlah yang besar tetapi cukup menceriakan golongan berkenaan.

"Kita berterima kasih kepada semua pihak teru-

tama mereka yang turut menghulurkan sumbangan untuk diagihkan kembali kepada golongan B40 dan miskin," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Kapitan Chan Chai Ping berkata, pihaknya tidak dapat melaksanakan program sedemikian tanpa sumbangan dana daripada orang awam dan wakil rakyat.

"Persatuan juga berterima kasih kepada Ting yang sentiasa tampil menyalurkan dana untuk kami melaksanakan pengagihan

bantuan TBC setiap tahun," ujarnya.

Menurutnya, terdapat pertambahan penerima bantuan TBC pada tahun ini berbanding tahun sebelumnya namun ia tidak menghalang mereka untuk menyediakan bantuan secara sama rata.

Persatuan itu berharap bantuan ini sekurang-kurangnya dapat meredakan beban perbelanjaan harian mereka dalam membuat persiapan untuk menyambut TBC tidak lama lagi.



KECERIAAN TBC: Ting bersama Chan menyerahkan angpau dan barangan keperluan harian kepada salah seorang penerima di Dewan Saha'ti di Miri, semalam.